

No. Sebut harga : **INTANBK/ASET/2025/1**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PELUPUSAN ASET ALIH

INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA BUKIT KIARA

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Bas 40 Penumpang Jenama: Hino RK1JSKA Tahun Pendaftaran: 2002	WKE 8701	1	RM15,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **22 JANUARI 2025** pada jam **10 pagi** di **Ruang Tempat Letak Kenderaan Berbumbung Blok Akademik, INTAN Bukit Kiara, Jalan Bukit Kiara, 50480 Kuala Lumpur.**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **INTANBK/ASET/2025/1** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

Unit Kewangan, INTAN Bukit Kiara
Jalan Bukit Kiara
50480 Kuala Lumpur

5. Tarikh tutup sebut harga pada **24 JANUARI 2025** jam **12 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

SULAIMAN YAAKOB BIN AYUB

Pendaftar
 Institut Tadbiran Awam Negara
 Jalan Bukit Kiara
 50480 Kuala Lumpur

Tarikh: **10 JANUARI 2025**

Cap:

SULAIMAN YAAKOB BIN AYUB
 Pendaftar
 Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.